

Utusan Malaysia Mei 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	1 Mei 2019	Bung Mokhtar dan isteri bakal dihadapkan ke mahkamah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	2 Mei 2019	Bekas pegawai khas kepada bekas menteri dibebaskan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4
3.	3 Mei 2019	CEO agensi kerajaan dirakam percakapan kali kedua	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	3 Mei 2019	Bung Mokhtar mengaku tidak bersalah atas tiga tuduhan rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
5.	7 Mei 2019	SPRM tahan seorang lagi anggota, turut panggil Pengarah JPJ P. Pinang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
6.	9 Mei 2019	Timbalan Pengarah Kanan DBKL direman lima hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	12
7.	10 Mei 2019	Bekas pegawai bekas menteri antara direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
8.	14 Mei 2019	Penyelewengan pembalakan, kerajaan negeri rugi ratusan juta ringgit	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	14
9.	14 Mei 2019	Tipu rumah PPR, lelaki didakwa dengan 23 pertuduhan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	15
10.	14 Mei 2019	Laporan siasatan 16 projek land swap Kementerian Pertahanan disiarkan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
11.	15 Mei 2019	Penolong pegawai kesihatan direman lima hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
12.	16 Mei 2019	Reman CEO kes peralatan kereta kebal disambung	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
13.	16 Mei 2019	Tuntutan palsu: SPRM tahan pensyarah, kontraktor	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
14.	16 Mei 2019	Kementerian Pertahanan lapor SPRM isu land swap	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
15.	21 Mei 2019	'Land Swap': SPRM akan panggil Ahmad Zahid, Hishammuddin	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
16.	21 Mei 2019	Pembekalan kereta perisai : Bekas pegawai kanan pula dipanggil	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
17.	22 Mei 2019	Rasuah: Bekas pegawai kanan bergelar Datuk direman empat hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30
18.	23 Mei 2019	3 pengurus kanan syarikat pemaju didakwa SPRM esok libatkan cubaan tipu RM1.6j	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
19.	28 Mei 2019	Terima sogokan set kayu golf: Jurutera JKR direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	33
20.	30 Mei 2019	SPRM panggil Zahid, Hishammuddin selepas hari raya	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	34

1. Bung Moktar dan isteri bakal dihadapkan ke mahkamah



DATUK SERI BUNG MOKTAR RADIN dan isteri Datin Seri Zizie Izette

KUALA LUMPUR 1 Mei - Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin dan isterinya, Datin Seri Zizie Izette A. Samad dijangka akan dihadapkan ke mahkamah Jumaat ini atas pelbagai tuduhan rasuah dan bersubahat.

Menurut sumber, kedua-dua individu berusia 59 dan 41 tahun itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Sabah pagi tadi sebelum dibebaskan selepas kenyataan mereka diambil.

"Ahli parlimen tersebut dijangka menghadapi tiga tuduhan rasuah manakala isterinya menghadapi tuduhan bersubahat.

"Kedua-duanya akan didakwa mengikut Akta SPRM di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Jumaat," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Seri Simi Abd. Ghani ketika dihubungi berkata, pihaknya akan mengeluarkan kenyataan berhubung tangkapan itu dalam masa terdekat.

2. Bekas pegawai khas kepada bekas menteri dibebaskan



BEKAS pegawai khas kepada bekas menteri (kiri) dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM30,000 di Mahkamah Majistret Putrajaya, hari ini.

PUTRAJAYA 2 Mei- Mahkamah Majistret di sini hari ini membebaskan seorang bekas pegawai khas kepada bekas menteri yang ditahan berhubung kes mengatur projek pembekalan pesawat bernilai kira-kira RM1.8 juta dua tahun lalu.

Majistret Shah Wira Abdul Halim membenarkan lelaki bergelar Datuk itu dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin serta pasportnya turut diserahkan kepada suruhanjaya itu.

Siasatan SPRM terhadap suspek berumur 50 tahun itu dijalankan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Lelaki berkenaan direman selama tiga hari bermula Selasa lalu bagi membantu siasatan SPRM berhubung kes berkenaan, beliau ditahan kira-kira pukul 12 tengah hari ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Isnin lalu.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati, lelaki berkenaan dipercayai menerima rasuah daripada beberapa syarikat kontraktor sebagai balasan mendapatkan projek pembekalan peralatan pesawat yang dianggarkan bernilai kira-kira RM1.8 juta pada 2017.

Selain itu katanya, SPRM juga sedang mengesan beberapa lagi individu dan syarikat pembekal peralatan pesawat di seluruh negara yang disyaki terlibat dengan bekas pegawai khas kepada bekas menteri itu.

Dalam perkembangan lain, bekas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pada Selasa lalu mengalu-alukan siasatan ke atas beliau, ahli keluarga atau mana-mana bekas pegawai jika didapati melanggar undang-undang, namun jangan menganiaya jika mereka tidak bersalah.

Ahli Parlimen Sembrong itu menegaskan, pendiriannya itu bukan perkara baharu tetapi konsisten sejak dahulu lagi, malah sudah dimaklumkan kepada agensi penguatkuasaan bahawa jika mereka bersalah, jalankan siasatan dan dakwa di mahkamah jika terlibat.

"Isu mengenai bekas pegawai saya, saya konsisten dari dahulu lagi sama ada pegawai saya ke, mantan pegawai saya ke, keluarga saya ke atau diri saya sendiri...kita tidak boleh meletakkan diri melebihi undang-undang.

"Jadi kalau salah tetap salah, kalau langgar undang-undang dakwa mereka tapi jangan cuba mengaitkan ia dengan isu politik atau dengan diri saya kerana saya punya pendirian konsisten dari dahulu lagi...cuma jangan dianiaya mana-mana pihak yang tidak berdosa," katanya.

3. CEO agensi kerajaan dirakam percakapan kali kedua

KUALA LUMPUR 3 Mei-Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini merakam percakapan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah agensi kerajaan untuk kali kedua berkaitan skandal rasuah dalam agensi tersebut.

Menurut sumber, wanita berpangkat Datuk itu hadir kira-kira pukul 9 pagi di Ibu pejabat SPRM di Putrajaya dekat sini.

"Semalam, SPRM telah mengambil keterangan CEO serta anak lelakinya dan hari ini, dia sekali lagi dipanggil bagi membantu siasatan.

"Bagaimanapun, dia tidak ditahan dan dibenarkan pulang selepas proses rakaman percakapan selesai," kata sumber di sini hari ini.

Pada Januari lalu, SPRM merampas 69 kotak berisi dokumen perjanjian dipercayai melibatkan dakwaan skandal projek agensi tersebut yang dianggarkan bernilai RM500 juta.

Turut diserbu ialah sebuah lagi syarikat yang mempunyai kaitan dan dipercayai terlibat dalam penyelewengan bernilai RM33.3 juta.

4. Bung Mokhtar mengaku tidak bersalah atas tiga tuduhan rasuah



BUNG MOKHTAR RADIN bersama Zizie Izatte Samad mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini.

KUALA LUMPUR 3 Mei - Bekas Pengerusi Felcra, Datuk Seri Bung Mokhtar Radin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan rasuah melibatkan RM2.8 juta pada Jun 2015.

Bung Mokhtar bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kesemua pertuduhan yang dibacakan dihadapan Hakim Rozina Ayob.

Berdasarkan pertuduhan, beliau yang juga Ahli Parlimen Kinabatangan, Sabah itu sebagai seorang ejen iaitu Pengerusi Bukan Eksekutif Felcra telah menerima suapan berjumlah RM2.8 juta daripada dua ejen pelaburan Public Mutual Berhad iaitu Madhi Abd. Hamid dan Norhaili Ahmad Mokhtar melalui dua akaun isterinya yang juga pelakon, Zizie Izzete A. Samad.

Perbuatan berkenaan dilakukan bagi mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan Kedua untuk Felcra Berhad membuat pelaburan RM150 juta untuk menyertai unit amanah Public Mutual Berhad.

Kesemua kesalahan tersebut dilakukan di Public Bank Berhad Cawangan Taman Melawati, 262-265, Jalan Bandar 12, Taman Melawati antara pukul 12.16 tengah hari hingga 5 petang, 12 hingga 19 Jun 2015.

Perbuatan itu dilakukan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan tertuduh bakal berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika disabitkan bersalah.

5. **SPRM tahan seorang lagi anggota, turut panggil Pengarah JPJ P. Pinang**



SPRM mengempur habis-habisan JPJ Pulau Pinang dan setakat ini 31 orang sudah dipakaikan baju oren serta dijangka ramai lagi akan dipanggil.

PULAU PINANG 7 Mei - Ketua Pembantu Penguat Kuasa Gred KP22 menjadi pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri terbaharu yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersabit kes rasuah lori kebal.

Pegawai berusia 52 tahun itu hadir ke ibu pejabat SPRM di sini kira-kira pukul 10 pagi tadi untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Difahamkan, pegawai berkenaan hadir dalam keadaan belum sembuh sepenuhnya daripada kecederaan selepas dilaporkan terbabit dalam kemalangan jalan raya bulan lalu.

Malah, dia juga sepatutnya hadir memberi keterangan bersama seramai 21 pegawai JPJ yang ditahan dalam fasa ketiga bulan lalu, namun diberi pengecualian ekoran terlibat dalam kemalangan itu.



Menurut sumber SPRM, pegawai itu ketika ini sedang diambil keterangan namun dijangka dibebaskan hari ini.

"Pegawai berkenaan sebelum ini dikecualikan hadir memberi keterangan kepada SPRM kerana masih dalam tempoh cuti sakit dan dia dijangka dibebaskan petang ini," demikian menurut sumber berkenaan.

Sementara itu, sumber berkenaan memberitahu, SPRM semalam turut memanggil Pengarah JPJ negeri, Mohamat Johari Mat Nor untuk diambil keterangan sebagai saksi di ibu pejabat SPRM di sini.

Buat masa ini, tambahanya, SPRM tidak bercadang memanggil mana-mana bekas pengarah JPJ negeri yang lain bagi membantu siasatan.

Sejak terbongkarnya kes rasuah membabitkan lori kebal di negeri ini itu awal bulan lalu, SPRM sehingga kini telah menahan seramai 80 individu dengan lebih 70 daripada mereka merupakan penguat kuasa JPJ negeri.

Turut ditahan ialah bekas anggota Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan orang awam terdiri daripada proksi, tonto dan pemilik syarikat lori terlibat.

Daripada jumlah itu juga, seramai 31 penguat kuasa JPJ dibenarkan ditahan reman selama seminggu dalam tiga fasa bagi membantu siasatan kes berkenaan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Kesemua mereka ditahan bagi membantu siasatan berhubung kegiatan rasuah melindungi pemandu-pemandu lori yang melakukan kesalahan jalan raya khususnya membawa lebih muatan di sekitar negeri ini.

Semua penguat kuasa JPJ gred 19 hingga 32 itu dipercayai menerima bayaran bulanan sebanyak RM10,000 sebulan dan sehingga kini jumlah terkumpul bagi kesemua wang rasuah tersebut sudah melebihi RM140,000.

6. Timbalan Pengarah Kanan DBKL direman lima hari



SEORANG Timbalan Pengarah Kanan DBKL direman bersama empat yang lain bagi membantu siasatan kes rasuah di Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini. -UTUSAN ONLINE/ Ihsan SPRM

PUTRAJAYA 9 Mei - Seorang Timbalan Pengarah Kanan sebuah jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) direman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan kes menerima dan memberi wang rasuah bernilai RM200,000.

Lelaki tersebut direman bersama empat lagi orang awam sehingga 13 Mei depan.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, di sini hari ini.

Semalam, SPRM menahan kesemua suspek yang berumur antara 41 hingga 57 tahun itu di sebuah restoran sekitar Kuala Lumpur antara pukul 12.00 hingga 12.30 tengah malam.

Berdasarkan siasatan awal, timbalan pengarah kanan tersebut telah secara rasuah menerima wang berjumlah RM200,000 daripada kontraktor sebagai balasan memberikan kerja penambahbaikan infrastruktur di bawah seliaannya.

Sementara itu Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Simi Abdul Ghani ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

7. Bekas pegawai bekas menteri antara direman

PUTRAJAYA 10 Mei - Seorang bekas pegawai kanan kepada bekas Menteri Wilayah Persekutuan merupakan antara lima suspek yang direman semalam membabitkan siasatan kes menerima dan memberi wang rasuah bernilai RM200,000.

Menurut sumber, lelaki berusia 47 tahun itu sebelum ini pernah berkhidmat di bawah Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor sewaktu menjadi Menteri Wilayah Persekutuan pada sebelum ini.

Selain lelaki itu, turut direman Timbalan Pengarah Kanan sebuah jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama tiga suspek orang awam yang tempoh reman berlangsung selama lima hari dan berakhir pada 13 Mei ini.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Shah Wira Abdul Halim selepas membenarkan permohonan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Utusan Malaysia hari ini melaporkan SPRM telah menahan kesemua suspek yang berumur antara 41 hingga 57 tahun itu di sebuah restoran sekitar Kuala Lumpur antara pukul 12.00 hingga 12.30 tengah malam.

Berdasarkan siasatan awal, timbalan pengarah kanan tersebut telah secara rasuah menerima wang berjumlah RM200,000 daripada kontraktor sebagai balasan memberikan kerja penambahbaikan infrastruktur di bawah seliaannya.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

8. Penyelewengan pembalakan, kerajaan negeri rugi ratusan juta ringgit

JOHOR BAHRU 14 Mei - Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senggarang, Khairuddin A. Rahim membuat laporan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, Tampoi di sini dari pukul 10.30 pagi hingga 1.30 petang tadi.

Laporan dibuat Khairuddin yang juga Pengerusi Kelab Penyokong Pakatan Harapan (PH) Johor adalah berkenaan penyelewengan dan pembalakan hutan simpan di negeri ini terutama di Mersing.

Tindakan tersebut diambil supaya siasatan berhubung perkara terbabit dapat dilakukan bagi melindungi khazanah negeri ini.

Khairuddin dalam sidang akhbar selepas membuat laporan itu mendakwa, kerajaan negeri mengalami kerugian ratusan juta ringgit akibat penyelewengan pembalakan di kawasan Hutan Simpan Lenggong, Mersing, sejak sekian lama.

Menurut beliau, berdasarkan lawatannya ke kawasan berkenaan akhir bulan lalu, pembalakan dengan cara tidak sepatutnya itu masih berlaku sehingga kini.

"Isu penyelewengan pembalakan ini telah saya usulkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor pada 12 Ogos lalu tetapi sehingga lawatan saya ke hutan itu akhir bulan lalu, saya dapati amalan pembalakan secara tidak sepatutnya masih dilakukan di kawasan berkenaan.

"Kawasan itu didapati dalam keadaan gondol akibat pelanggaran syarat penebangan pokok seperti pokok kayu tidak bertanda yang masih kecil disyaki ditebang secara tidak sah dan dikeluarkan dengan tidak membayar cukai," katanya.

Selain itu katanya, rekod pengeluaran kayu juga disyaki dikecilkan jumlahnya kurang daripada jumlah meter padu kayu yang dibayar premium dengan kekurangan meter padu tersebut disyaki digunakan untuk mendapat kawasan ganti rugi tanpa membayar premium.

"Penanaman semula juga didapati tidak dilakukan dengan sempurna serta pengeluaran kayu-kayu juga disyaki secara gelap tanpa membayar cukai kepada kerajaan (cukai terbang)," katanya.

9. Tipu rumah PPR, lelaki didakwa dengan 23 pertuduhan



TERTUDUH, Raja Darul Affendy Shah Raja Haris Shah dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam dengan diiringi polis.

SHAH ALAM 14 Mei - Seorang bekas pengurus jualan didakwa dengan 23 pertuduhan menipu mendapatkan rumah dan kedai Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2 membabitkan kerugian RM75,500, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Raja Darul Affendy Shah Raja Haris Shah, 57, yang dihadap ke Mahkamah Sesyen Shah Alam bagaimanapun mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kesemua pertuduhan, tertuduh yang kini bekerja sendiri didakwa dengan curang mendorong 21 mangsa menyerahkan sejumlah wang tunai kepadanya bagi mendapatkan rumah dan kedai di PPR Lembah Subang 2.

Kesalahan itu dilakukan di sekitar Lembah Klang bermula April hingga Julai 2016.



TERTUDUH, Raja Darul Affendy Shah Raja Haris Shah dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam dengan diiringi polis.

Jika sabit kesalahan dia boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun, denda dan sebatan mengikut Seksyen 420 Kanun Kesekaan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muhammad Asraf Mohamed Tahir mencadangkan jaminan sebanyak RM50,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin dan perlu melaporkan diri di pejabat SPRM sebulan sekali.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon ikat jamin dikurangkan dan pembayaran dilakukan sebanyak dua kali.

"Saya ada empat orang anak dan baharu sahaja ditangkap semalam (untuk didakwa hari ini). Memang saya tiada wang simpanan sekarang," katanya.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan RM40,000 dan membenarkan permohonan lain pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan 21 Jun depan.

10. Laporan siasatan 16 projek land swap Kementerian Pertahanan disiarkan



KUALA LUMPUR 14 Mei - Laporan siasatan 16 projek pertukaran tanah (land swap) Kementerian Pertahanan yang dikatakan berlaku kerugian atau ketirisan hasil kerajaan ketika pentadbiran terdahulu, telah mula disiarkan secara berperingkat menerusi portal rasmi kementerian berkenaan.

Menurut kementerian tersebut dalam kenyataan hari ini, laporan siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) mengenai land swap itu mula disiarkan semalam sehingga Jumaat ini.

Penyiaran semalam melibatkan tiga projek iaitu Kem Hutan Melintang, Kem Batu Kentonmen dan Kem Paloh/Kinrara.

Hari ini, tiga laporan yang disiarkan melibatkan Kem Sungai Buloh, Kem Sungai Besi dan Kem Batu Pahat.

Esok, tiga laporan yang akan didedahkan ialah Kem Transit Kem Wataniah 502 AW, Kem Terendak Kem Sungai Putat, Melaka dan Laporan PUSPAHANAS.

Tiga laporan yang akan didedahkan pada Khamis ialah Kem Brinchang, Kompleks 7 Briged Skudai dan Kompleks Markas 2 Divisyen Bayan Lepas, manakala pada Jumaat baki empat laporan yang akan didedahkan ialah Kompleks Markas Divisyen 1 Muara Tuang, Depot Peluru 71 Batalion Ordnan Divisyen, Pembangunan Fasiliti Kem Muara Tuang dan Penrissen dan Laporan Fasiliti Skuadron 323.

Jelas Kementerian Pertahanan dalam kenyataan itu, kementerian mengambil serius berhubung penemuan, teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa siasatan tersebut.

"Untuk makluman, kementerian juga telah membuat dua laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya melakukan siasatan terperinci seterusnya mengambil tindakan lanjut," menurut kementerian itu.

Kementerian juga menganggap laporan jawatankuasa siasatan tersebut memberi kesan besar kepada Kementerian Pertahanan khususnya kepada semua pihak yang terlibat dalam menguruskan projek land swap agar sentiasa berhati-hati dan tidak terlibat dalam sebarang penyalahgunaan kuasa serta rasuah sehingga menyebabkan kegagalan projek sekali gus merugikan kerajaan.

Minggu lalu, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dalam sidang akhbar mendakwa pelaksanaan 13 daripada 16 projek land swap terbabit didapati melibatkan bekas Perdana Menteri dan bekas Menteri Pertahanan.

Hasil laporan JKSTUPKK yang dipengerusikan Tan Sri Ambrin Buang itu turut mendapati anggaran kerugian atau ketirisan hasil kerajaan daripada projek tersebut melebihi RM500 juta.

Kesemua 16 projek itu terdiri daripada 2,923 ekar (1,183 hektar) tanah milik Kementerian Pertahanan yang telah dan akan dipindah milik.

Mohamad bagaimanapun menafikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terlibat dalam penyelewengan tersebut walaupun mengakui kaedah land swap itu dimulakan sejak tahun 1997 ketika Dr. Mahathir pertama kali menjadi Perdana Menteri.

11. Penolong pegawai kesihatan direman lima hari



SEORANG penolong pegawai kesihatan direman lima hari bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah di Mahkamah Khas Reman Seremban hari ini

RASAH 15 Mei - Seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di Unit Inspektorat dan Perundangan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Seremban ditahan reman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan dua kes rasuah bernilai RM1,800 kira-kira dua tahun lalu.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Mahkamah Khas Reman Seremban, V. Vanita selepas menerima permohonan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd. Khairi Abdul Karim bagi siasatan di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, lelaki berusia 31 tahun itu yang diwakili peguam, Ardelliza Shafie tiba di mahkamah kira-kira pukul 10 pagi dengan diiringi pegawai SPRM.

Dia disyaki meminta dan menerima rasuah sebanyak RM400 daripada wakil sebuah restoran nasi kandar di sini sebagai balasan untuk mengurangkan kadar kompaun yang dikenakan terhadap dua pekerja premis itu pada Disember 2017.


Kedua-dua pekerja restoran itu didapati melakukan kesalahan di bawah Peraturan 32(1)(b) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 kerana tidak mematuhi peraturan berhubung pakaian pengendali makanan.

Suspek turut disyaki meminta dan menerima rasuah RM1,400 daripada pemilik sebuah lagi restoran di sini sebagai balasan untuk menyelesaikan kes mahkamah membabitkan pemilik restoran itu dan pekerjaanya pada Disember 2017.

Pamilik restoran itu dan pekerjaanya sebelum itu gagal membayar kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 11(1)(c) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 iaitu gagal menyediakan rekod latihan pengendali makanan semasa pemeriksaan dan seksyen 32(1)(b) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Suspek telah ditahan oleh SPRM di PKD Seremban pada pukul 2.24 petang semalam.

12. Reman CEO kes peralatan kereta kebal disambung



SEORANG ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat swasta dibawa ke Mahkamah Majistret di Putrajaya hari ini

PUTRAJAYA 16 Mei - Tempoh reman seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat swasta yang disiasat berhubung kes menerima suapan bagi projek pembekalan peralatan kereta kebal disambung empat hari lagi bermula esok.

Selain itu, seorang ketua pegawai kewangan (CFO) yang juga direman sebelum ini dibebaskan dengan jaminan RM50,000 tanpa deposit bersama seorang penjamin.

Perintah itu dikeluarkan oleh Majistret Shah Wira Abdul Halim setelah membenarkan permohonan SPRM.

Sumber memberitahu, SPRM telah rampas beberapa beg tangan mewah dan mata wang asing di kediaman CEO berkenaan semalam.

Kedua-dua suspek sebelum ini direman empat hari sehingga hari ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM.

Akhbar baru-baru ini melaporkan CEO dan CFO sebuah syarikat swasta ditahan SPRM kerana menerima suapan bagi projek pembekalan peralatan kereta kebal milik agensi pertahanan negara.

Sumber SPRM berkata, CEO bergelar Datuk bersama CFO berkenaan disyaki menerima wang suapan membabitkan projek pembekalan peralatan kenderaan itu bernilai lebih RM17 juta.

Sebelum ini, CEO lelaki berusia 45 tahun dan wanita berusia 53 tahun menjawat jawatan CFO itu dilaporkan ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Menurut sumber itu, kedua-dua suspek disyaki menerima wang rasuah berjumlah ratusan ribu ringgit daripada beberapa syarikat berkaitan penganugerahan projek pembekalan peralatan kereta perisai AV8 dan Adnan antara 2014 sehingga 2017.

Sementara itu, bagi kes menerima dan memberi rasuah RM200,000 melibatkan seorang pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dua kontraktor terlibat telah dibebaskan dengan jaminan RM5,000 tanpa deposit bersama seorang penjamin manakala pasport diarahkan diserahkan kepada SPRM.

13. Tuntutan palsu: SPRM tahan pensyarah, kontraktor



DUA suspek kes tuntutan palsu iaitu seorang pensyarah (berbaju lokap SPRM depan) dan kontraktor (belakang) diiringi pegawai penguat kuasa SPRM selepas mendapat perintah tahanan reman selama tujuh hari, di pekarangan Kompleks Mahkamah Melaka di Ayer Keroh pagi ini.

MELAKA 16 Mei - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua individu iaitu seorang pensyarah dan kontraktor bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu bernilai lebih RM200,000 untuk kontrak pembekalan barangan sukan di Politeknik Merlimau dekat sini sejak tahun 2014 lalu.

Kedua-dua suspek lelaki yang berusia 38 tahun itu ditahan di pejabat SPRM Melaka pada pukul 4.52 petang semalam selepas hadir untuk memberi keterangan berhubung kes tersebut.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan SPRM, pensyarah berkenaan dipercayai bersubahat dengan kontraktor terbabit untuk membuat tuntutan palsu pembekalan barangan keperluan latihan pasukan ragbi dan kerja-kerja pembekalan lain sepanjang tempoh 2014 hingga tahun lalu bernilai keseluruhan RM204,344.21.

Kedua-dua suspek direman selama tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret Mahkamah Melaka, Mohd. Firdaus Saleh pagi ini.

Terdahulu, kedua-dua suspek yang memakai baju lokap SPRM tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Melaka kira-kira pukul 9.30 pagi diiringi pegawai penguat kuasa SPRM.

14. Kementerian Pertahanan lapor SPRM isu land swap



MOHD. NASAIE ISMAIL (dua dari kanan) menunjukkan kenyataan berhubung isu land swap sebelum memasuki Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya hari ini.

PUTRAJAYA 16 Mei - Kementerian Pertahanan hari ini membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung 14 projek pertukaran tanah (land swap), sepertimana dilaporkan oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) baru-baru ini.

Laporan kepada SPRM berkenaan adalah kesinambungan daripada laporan yang telah dibuat kementerian pada 21 Februari lalu melibatkan projek yang terletak di Paloh, Johor dan Hutan Melintang, Perak.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Menteri Pertahanan, Mohd. Nasaie Ismail berkata, terdapat kes yang mana projek terbabit menghadapi masalah kelewatan sehingga 11 tahun untuk disiapkan.

"Hasil siasatan menganggarkan kerajaan telah rugi sebanyak RM515.21 juta berdasarkan kepada perlanjutan masa projek yang gagal disiapkan segera, kontrak-kontrak tambahan yang tidak termasuk dalam perancangan dan penetapan nilai tanah gentian yang lebih rendah daripada harga semasa yang dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

"Kebimbangan kita, kerajaan bukan sekadar kerugian nilai wang tetapi juga kedudukan strategik pertahanan negara terjejas disebabkan kegagalan projek-projek tersebut. Atas semangat mempertahankan kedaulatan negara dan agar perkara yang sama tidak berulang lagi di bawah pentadbiran baharu, maka laporan akan dibuat kepada pihak SPRM untuk tindakan lanjut," katanya kepada pemberita di depan bangunan Ibu Pejabat SPRM di sini hari ini.

Difahamkan, projek yang menghadapi masalah kelewatan sehingga 11 tahun itu melibatkan Projek Penswastan Kem Transit dan Kem Rejimen 502 Askar Wataniah, Kuala Lumpur.

Land Swap merupakan satu kaedah pembangunan kem-kem tentera, perumahan anggota tentera dan fasiliti-fasiliti lain yang dibiayai melalui pertukaran tanah milik Persekutuan yang diberikan kepada pihak swasta yang membangunkannya.

Ia adalah satu kaedah untuk menangani kekangan kewangan kerajaan di sebalik keperluan yang besar terhadap pembangunan.

Keseluruhan 16 projek land swap itu melibatkan 2,923 ekar tanah milik Persekutuan yang bernilai RM4.7 billion dan nilai projek yang sepatutnya dibangunkan adalah sebanyak RM4.8 billion.

Sehingga Disember 2018, hanya lima projek telah disiapkan, dua dalam pembinaan dan baki sembilan projek lagi sama ada gagal disiapkan atau masih dalam proses untuk ditandatangani.

15. 'Land Swap': SPRM akan panggil Ahmad Zahid, Hishammuddin



Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki (kiri) beramah mesra dengan Commissioner National Anti-Corruption Commission Thailand, Sathapon Laothonh (kanan) semasa Majlis Penutup Kursus Anti-Corruption Training untuk Office of The National Anti-Corruption Commission (ONACC) Thailand di Akademi Pencegah Rasuah Malaysia (MACA) di sini hari ini.

KUALA LUMPUR 21 Mei - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijangka akan memanggil bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan bekas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berhubung siasatan skandal 'Land Swap' membabitkan tanah-tanah milik Kementerian Pertahanan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, siasatan telah dimulakan sejak beberapa bulan lalu dan pihaknya sedang menyemak laporan audit bagi mengesan isu-isu jenayah yang berlaku dalam kementerian berkenaan.

"Hishammuddin juga ada kemukakan satu laporan lain kepada kita minggu lalu berkaitan kes sama.

"Buat masa ini, kita tidak menahan sesiapa dan kita akan memanggil sesiapa sahaja saksi-saksi terlibat bagi membantu siasatan,"katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Kursus 'Anti-Corruption Training' untuk Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Nasional (ONACC) Thailand, di sini hari ini.

Minggu lalu, Kementerian Pertahanan membuat dua laporan kepada SPRM susulan Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang mendedahkan 16 projek 'Land Swap' membabitkan tanah-tanah milik kementerian itu.

16. Pembekalan kereta perisai : Bekas pegawai kanan pula dipanggil

KUALA LUMPUR 21 Mei - Seorang bekas pegawai kanan di sebuah syarikat swasta bergelar Datuk dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini bagi membantu siasatan kes rasuah bernilai RM135 juta membabitkan projek pembekalan peralatan kenderaan milik agensi pertahanan negara.

Suspek berusia 56 tahun itu ditahan di rumahnya di Lembah Klang kira-kira pukul 9 pagi ini.

Menurut sumber, hasil siasatan SPRM mendapati, jumlah suapan tersebut dipercayai telah diseleweng daripada peruntukan projek bernilai lebih RM 7.5 bilion daripada kerajaan.

Ujarnya, siasatan tersebut membabitkan pembekalan kereta perisai AV8 bernilai RM7.5 Billion dan kereta perisai AV4 bernilai RM155 juta.

"Suspek merupakan individu kedua yang dipanggil selepas bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di syarikat sama hadir membantu siasatan semalam.

"Setakat ini, siasatan lanjut masih berjalan dan masih tidak dapat dipastikan sama ada suspek akan direman atau dibebaskan sebaik sahaja selesai memberi keterangan," katanya di sini hari ini.

Semalam, seorang pemilik syarikat bergelar Datuk Seri direman selama empat hari selepas dipercayai memberi suapan bagi projek pembekalan peralatan kereta kebal itu kepada orang-orang tertentu.

Selain beliau, turut dipanggil SPRM iaitu seorang bekas CEO berusia 50-an bagi membantu siasatan semalam.

Pada 12 Mei lalu, Seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat swasta bergelar Datuk bersama seorang wanita yang juga Ketua Pegawai Kewangan (CFO) syarikat terbabit turut ditahan SPRM.

17. Rasuah: Bekas pegawai kanan bergelar Datuk direman empat hari



BEKAS pegawai kanan di sebuah syarikat swasta bergelar Datuk direman empat hari di Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini.

PUTRAJAYA 22 Mei - Seorang bekas pegawai kanan di sebuah syarikat swasta bergelar Datuk direman selama empat hari bagi membantu siasatan kes rasuah bernilai RM135 juta membabitkan projek pembekalan peralatan kenderaan milik agensi pertahanan negara.

Perintah reman dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Putrajaya, Siti Roslizawati Mohd. Zanin di sini hari ini.

Lelaki itu direman sehingga 25 Mei ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen Kesalahan 16(a)(A) Akta SPRM 2019.

Terdahulu, lelaki berkenaan tiba di Mahkamah Majistret di sini kira-kira pukul 10 pagi dengan memakai baju tahanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berwarna oren dan tangan bergari.

Suspek berusia 56 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM di sini kira-kira pukul 10.40 malam semalam.

Menurut laporan media yang memetik sumber, hasil siasatan SPRM mendapati, jumlah suapan tersebut dipercayai telah diseleweng daripada peruntukan projek bernilai lebih RM7.5 bilion daripada kerajaan.

Ujar sumber berkenaan, siasatan tersebut membabitkan pembekalan kereta perisai AV8 bernilai RM7.5 bilion dan kereta perisai AV4 bernilai RM155 juta. Suspek merupakan individu kedua yang

dipanggil selepas bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di syarikat sama hadir membantu siasatan kelmarin.

"Setakat ini, siasatan lanjut masih berjalan dan masih tidak dapat dipastikan sama ada suspek akan direman atau dibebaskan sebaik sahaja selesai memberi keterangan," jelas sumber berkenaan.

Kelmarin, seorang pemilik syarikat bergelar Datuk Seri direman selama empat hari selepas dipercayai memberi suapan bagi projek pembekalan peralatan kereta kebal itu kepada orang-orang tertentu.

Selain beliau, turut dipanggil SPRM iaitu seorang bekas CEO berusia 50-an bagi membantu siasatan kelmarin.

Pada 12 Mei lalu, seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat swasta bergelar Datuk bersama seorang wanita yang juga Ketua Pegawai Kewangan (CFO) syarikat terbabit turut ditahan SPRM.

18.3 pengurus kanan syarikat pemaju didakwa SPRM esok libatkan cubaan tipu RM1.6j

PULAU PINANG 23 Mei - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mendakwa seramai tiga individu dari sebuah syarikat pemaju di negeri ini membabitkan kes penipuan melibatkan nilai RM1,635,870.

Menurut sumber SPRM, ketiga-tiga mereka yang berjawatan Pengarah Urusan; Ketua Bahagian Pemasaran dan Jualan serta Pengarah Eksekutif itu akan didakwa di Mahkamah Khas Rasuah Butterworth, di sini pukul 9 pagi esok.

Katanya, ketiga-tiga suspek akan didakwa kerana cuba menipu Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan pelepasan kuota bumiputera sebanyak 30 peratus.

"Kesalahan itu disiasat di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

19. Terima sogokan set kayu golf: Jurutera JKR direman

SHAH ALAM 28 Mei - Akibat menerima sogokan set kayu golf bernilai RM1,990 Mac lalu sebagai balasan tender penyelenggaraan jalan, seorang Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) direman selama dua hari bermula hari ini.

Perintah reman terhadap suspek berusia 40 tahun itu dikeluarkan kira-kira pukul 11.30 pagi oleh Majistret Rini Triany Muhamad Ali di Mahkamah Majistret Shah Alam.

Terdahulu, suspek tiba di mahkamah pada pukul 10.40 pagi memakai baju lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan tangan bergari.

Dia sebelum itu ditahan pukul 3.30 petang semalam ketika hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM Selangor.

Menurut sumber, suspek didakwa menerima tujuh kayu golf pada 15 Mac lalu daripada seorang kontraktor sebagai balasan untuk mendapatkan tender kerja penyelenggaraan jalan di sebuah daerah di Selangor.

"Kontrak berkenaan melibatkan kerja-kerja mengecat semula garisan jalan yang dianggarkan bernilai lebih RM200,000.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor Datuk Alias Salim mengesahkan perkara tersebut namun enggan mengulas lanjut.

20. SPRM panggil Zahid, Hishammuddin selepas hari raya



KUALA LUMPUR 30 Mei - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilaporkan akan memanggil bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan bekas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein selepas Hari Raya Aidilfitri bagi membantu siasatan berhubung perjanjian pertukaran tanah (land swap) Kementerian Pertahanan.

Memetik laporan portal Malaysiakini hari ini, perkara itu dimaklumkan oleh sumber yang rapat dengan perkembangan kes berkenaan.

Sumber itu dilaporkan berkata, penyiasat SPRM ketika ini memerlukan masa untuk merakamkan keterangan daripada beberapa individu terlebih dahulu.

"SPRM belum ambil keterangan mereka. Pegawai penyiasat (ketika ini) perlu ambil keterangan daripada orang lain dulu. Lepas raya (baru akan panggil)," kata sumber itu yang merupakan pegawai kanan namun enggan mendedahkan namanya.

Menurut Malaysiakini lagi, difahamkan bahawa Ahmad Zahid yang juga bekas Menteri Pertahanan akan dipanggil terlebih dahulu sebelum Hishammuddin.

Pada awal bulan ini, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki memberitahu media bahawa beliau tidak menolak kemungkinan memanggil bekas menteri terbabit untuk membantu siasatan mengenai isu tersebut.

Siasatan berkenaan dilancarkan selepas audit Kementerian Pertahanan mendapati terdapat penglibatan bekas Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan dalam urusan pertukaran tanah melibatkan kementerian itu.

Perkara itu didedahkan oleh Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu ketika pembentangan laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) mengenai land swap Kementerian Pertahanan itu di Dewan Negara pada 9 Mei lalu.